



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PENIAGA PATUHI HARGA SILING JUALAN TELUR AYAM

PUTRAJAYA, 25 JUN 2024 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan pemantauan ke atas 1,828 premis borong dan runcit yang diadakan selama 7 hari sejak penurunan harga telur ayam di pasaran dan mendapati tiada pihak menjual melebihi harga yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, KPDN telah mengambil tindakan ke atas 6 peniaga yang gagal meletakkan tanda harga merah jambu dan 2 kes kerana tidak meletakkan tanda harga.

Seramai 2,200 anggota Pegawai Penguat Kuasa KPDN di seluruh negara telah digerakkan ke lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasar raya untuk memastikan peniaga menjual telur ayam pada harga siling baharu yang telah ditetapkan Kerajaan.

Mulai 17 Jun 2024, Kerajaan memutuskan harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebiji selaras dengan penurunan kos input dalam industri tersebut. Penurunan harga ini, melibatkan keseluruhan rantai telur iaitu pengeluar, borong dan runcit.

Harga semasa runcit yang terkini bagi telur ayam untuk semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Gred A - RM 0.42/biji
- (ii) Gred B - RM 0.40/biji
- (iii) Gred C- RM 0.38/biji

Manakala harga runcit bagi telur di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan diselaraskan mengikut Bahagian dan Zon yang diwartakan.

KPDN merakamkan penghargaan kepada majoriti peniaga yang mematuhi undang-undang yang telah dikuatkuasakan Kementerian serta menjalankan perniagaan secara beretika.

Orang ramai boleh menyalurkan aduan yang lengkap kepada pihak KPDN melalui saluran berikut:

- (i) WhatsApp 019-848 8000;
- (ii) Portal e-Aduan KPDN iaitu eaduan.kpdn.gov.my;
- (iii) Pusat Panggilan 1-800-886-800;
- (iv) E-mel e-aduan@kpdn.gov.my;
- (v) Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN;
- (vi) Bilik Gerakan Penguatkuasaan 03-8882 6088 / 6245;

DATUK AZMAN BIN ADAM

Ketua Pengarah Penguat Kuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###